

Semasa kejadian pusat jagaan hanya ada empat pengasuh jaga 39 kanak-kanak

Bayi mati kerana diabaikan

Kosmo 2/10/14
MS 5.

Oleh NURUL NAFISAH MAZLAN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Siasatan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke atas Taska Permata Bonda di Presint 11, Putrajaya mendapati pusat jagaan tempat seorang bayi berusia empat bulan meninggal dunia didapati kekurangan pengasuh sehinggakan bayi dan kanak-kanak yang dihantar ke premis itu terabai.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pada hari Nur Inna Khalisa Muhamad Zamri meninggal dunia pada 30 September lalu, pusat jagaan itu pada hari tersebut hanya mempunyai empat pengasuh yang perlu menjaga 39 orang kanak-kanak.

"Sepatutnya dengan bilangan kanak-kanak seramai 39 orang, pihak pengasaha perlu menyediakan sembilan orang pengasuh yang bertauliah bagi memastikan kesemua bayi dan kanak-kanak di bawah jagaan mereka berada dalam keadaan baik.

"Namun, pengasaha gagal mematuhi nisbah yang sepatutnya dan lebih mengecewakan apabila empat orang pengasuh yang bekerja di taska itu juga belum menghadiri dan lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Pertama," kata beliau.

Oleh itu, menurut beliau, taska itu didapati tidak mematuhi prosedur Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012 kerana nisbah pengasuh



ROHANI bersalam dengan tetamu yang hadir pada program ibadah korban KPWKM di Institut Sosial Malaysia, Kuala Lumpur semalam.

dengan bilangan kanak-kanak yang perlu dijaga tidak mencukupi.

Rohani berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Ibadah Korban Peringkat Kementerianya sempena Hari Raya Aidiladha di Institut Sosial Malaysia, Jalan Sungai Besi di sini semalam.

Hadir sama pada program itu ialah Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Sabariah Hassan, Ketua Pengarah JKJ, Datuk Norani Mohd. Hisham, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, Datuk Norsham Rahin dan Pengarah Institut Sosial Malaysia, Dr. Al-Azmi Bakar.

Pada majlis itu, sebanyak lima ekor daging lembu diagih-agihkan kepada lima institusi kebajikan

INFO Nisbah pengasuh dengan bilangan kanak-kanak

Umur (Tahun)	Kanak-kanak normal	Kanak-kanak OKU
1 hari - 1 tahun	1:3	2:3
1 tahun - 3 tahun	1:5	2:5
3 tahun - 4 tahun ke atas	1:10	3:10

INFO Nisbah pengasuh dengan bilangan kanak-kanak di Taska Permata Bonda

Kategori umur kanak-kanak	Bil kanak-kanak	Bil pengasuh di Taska	Bil pengasuh sepatutnya
1 hari - 1 tahun	9	2	3
1 tahun - 3 tahun	21	2	5
3 tahun - 4 tahun	3	-	1
4 tahun ke atas	6	-	-
Jumlah	39	4	9

Bayi tiga bulan mati di taska

Oleh MOHD TURMAZI MAZLAN

PUTRAJAYA - Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPT) mengesahkan bahawa seorang bayi berusia tiga bulan meninggal dunia kerana diabaikan di taska. Nur Inna Khalisa Muhamad Zamri meninggal dunia pada 30 September lalu.



KERATAN Kosmo! 1 Oktober 2014.

di sekitar Lembah Klang iaitu Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi, Rumah Seri Kenangan Cheras, Bengkel Daya Klang, Asrama Sentosa dan Kompleks Penyayang Bakti di Sungai Buloh.

Kosmo! sebelum ini melaporkan seorang bayi perempuan berusia empat bulan ditemui meninggal dunia ketika berada di bawah jagaan sebuah pusat asuhan kanak-kanak di Presint 11, Putrajaya.

Nur Inna Kalisa ditemui dalam keadaan kaku dan kebiruan manakala mata, belakang badan serta

telinga mempunyai kesan gigitan semut ketika hendak dijemput pulang oleh ibu dan bapanya sekitar pukul 5.45 petang.

Difahamkan, bayi tersebut tidak diberi susu sejak ditinggalkan di atas katilnya kira-kira

pukul 3 petang dan sepanjang tempoh itu, pengasuh juga didakwa langsung tidak menjenguk mangsa.

Sementara itu, Rohani turut berkata, Taska Permata Bonda tidak ada kaitan dengan program Permata yang diilhamkan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor seperti yang disebar-kan melalui laman sosial seperti Facebook.

"Oleh kerana taska tersebut menggunakan nama Permata, ia tidak bermakna taska tersebut beroperasi dibawah Permata.

"Jangan keluarkan kenyataan yang boleh mendatangkan kekeliruan kepada masyarakat, nama itu hanya satu kebetulan," ujarnya.